



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT : 56
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Penambahbaikan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1

Ganti peralatan lama elak berlaku kerosakan

Air Selangor jalankan tujuh kerja utama bermula 23 Julai

Oleh Norzaminra Che Noh
dhnnews@bh.com.my

Shah Alam: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan menjalankan tujuh kerja utama di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) yang membolehkan henti tugas loji bermula jam 9 pagi pada 23 Julai ini. Tujuh kerja utama itu membabitkan penggantian beberapa peralatan loji dan injap serta meter 'Bulk Supply Rate' (BSR Meter) sudah menjelang usia 15 hingga 20 tahun yang boleh mengalami kerosakan pada bila-bila masa.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata pelaksanaan kerja penambahbaikan itu perlu dan kritikal supaya kerosakan teruk tidak berlaku serta menyebabkan tempoh henti tugas loji mengambil masa lebih lama, selain gangguan bekalan air tidak berjadual kepada pelanggan.

"Audit teknikal dijalankan selepas pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) dimuktamadkan pada April lalu dan hasil audit mendapati beberapa peralatan penting perlu diganti.

"Kerja penambahbaikan juga perlu dilaksanakan segera bagi mengelak sebarang gangguan tidak berjadual yang boleh memberi kesan dan impak gangguan bekalan lebih besar.

"Kita tidak mahu berlaku henti tugas loji yang mengambill masa

lebih lama dan mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual kepada pelanggan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Abdul Raof berkata, Air Selangor juga melaksanakan 26 kerja tumpang bagi penggantian dan menaik taraf sistem agihan dalam tempoh henti tugas LRA SSP1.

Beliau berkata, pelaksanaan kerja tumpang itu meminimumkan dan mengelakkan gangguan pada masa depan berikutan pelaksanaan kerja penyelenggaraan serta baik pulih pada sistem agihan.

"Segala persiapan dibuat secara rapi, malah kami komited dan

berusaha memastikan kerja penambahbaikan berjalan lancar seperti dijadualkan serta meminimumkan impak gangguan kepada pelanggan terjejas," katanya.

LRA SSP1 beroperasi mulai 1993 dan henti tugas terakhir bagi kerja penambahbaikan dijalankan pada 2012.

Media sebelum ini melaporkan seramai 3.22 juta penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dijangka terjejas susulan kerja penambahbaikan LRA SSP1 yang bermula 23 Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman, dipetik berkata 758 kawasan di tujuh kawasan dijangka mengalami masalah gangguan air berjadual antara 36 hingga 84 jam.

Kawasan terbahit ialah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.



Segala persiapan dibuat secara

rapi, malah pihak kami komited dan berusaha memastikan kerja penambahbaikan ini berjalan lancar seperti dijadualkan serta meminimumkan impak gangguan kepada pelanggan terjejas.

Abdul Raof Ahmad,
Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Air Selangor

Suruhannya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyatakkan bekalan air tidak dapat disalurkan kepada pengguna selepas jam 9 malam 26 Julai ini, bukan seperti dilaporkan. - *Pengarang*